

PERCUMA



مجلس أكاما إسلام
دان عادت ملايو فرقان

مجلس أكاما إسلام MAIPk

EDISI PERTAMA 2017 BIL. KEDUA PULUH TIGA

MAIPk TERUS

MEMBANGUNKAN MASYARAKAT

MELALUI PELAKSANAAN BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL



MEMBENTUK USAHAWAN
DI KALANGAN ASNAF

ASNAF MUALLAF DIBANTU
MEMPELAJARI AL-QURAN





DARI MEJA KETUA EDITOR



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBRS. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

Ketua Editor

EN. WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

Editor

EN. MOHD YAKOP BIN IKRAM

EN. SHAMSUL ANUAR BIN ZAKARIA

Jurufoto

EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI

EN. AMIRULKHALID BIN AHMAD

Edaran

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

Diterbitkan Oleh :

Unit Perhubungan Korporat

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan

30000 Ipoh, Perak.

TEL : 05-2084000

FAKS : 05-2414257

LAMAN WEB : www.maiamp.gov.my

<https://wakafperak.gov.my>

EMEL : korporat@maiamp.gov.my

FACEBOOK : Zakat Perak – MAIPk

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Hak Cipta Terpelihara. Tidak Dibenarkan Mengeluar Ulang Mana-Mana Bahagian Artikel, Ilustrasi Dan Isi Kandungan Buku Ini Dalam Apa Jua Bentuk Dan Dengan Cara Apa Jua Sama Ada Secara Elektronik, Fotokopi, Mekanik, Rakaman Atau Cara Lain, Sebelum Mendapat Keizinan Bertulis Daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

KANDUNGAN

EDITORIAL

2

SEMASA

3-14

BERITA SANA SINI

15

Assalamualaikum wbt. wbrkt dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala Nabi, keluarga Baginda, para sahabat serta muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Sama-sama lah kita selalu mengucap syukur kepada llahi kerana sehingga ke hari ini kita dapat bertemu dengan bulan Ramadhan, bulan yang penuh dengan kemuliaan serta ganjaran.

Ramadhan erti nia sangat panas atau membakar. Bulan Ramadhan turut dikenali dengan bulan penuh dengan rahmat dan keampunan. Bulan yang paling mulia di sisi Allah. Hari-harinya adalah hari-hari yang paling utama. Malam-malamnya adalah malam-malam yang paling utama. Inilah bulan ketika kita diundang menjadi tetamu Allah dan dimuliakan oleh-Nya. Pada bulan ini nafas-nafas kita menjadi tasbih, tidur kita adalah ibadah, amal-amal kita diterima dan doa-doa kita dikabulkan, insya-Allah.

Mengapa Rasulullah SAW banyak melakukan sedekah di bulan Ramadhan?

1- Bulan Ramadhan adalah waktu yang mulia dan pahala diberi berlipat kali ganda berbanding bulan-bulan lain.

2- Rajin berderma pada bulan Ramadhan bererti membantu orang yang berpuasa, orang yang melakukan solat malam dan orang yang berzikir supaya mereka mudah dalam beramal. Orang yang membantu di sini akan mendapat pahala seperti pahala mereka yang beramal.

3- Pada bulan Ramadhan, Allah juga melimpahkan kebaikan dengan memberikan rahmat, keampunan dan pembebasan daripada api neraka, lebih-lebih lagi di malam Lailatul Qadar.

4- Puasa dan sedekah digabungkan adalah sebab seseorang dimudahkan masuk ke syurga.

5- Sedekah dan puasa digabungkan adalah sebab kemudahan meraih ampunan dosa dan selamat dari siksa neraka. Lebih-lebih lagi jika kedua-dua amalan tersebut ditambah dengan amalan solat malam.

6- Dalam ibadah puasa pasti ada kecacatan dan kekurangan, sedekah itulah yang menutupi kekurangan tersebut. Oleh kerana itu, pada akhir Ramadhan, kaum muslimin disyariatkan menuaikan zakat fitrah. Tujuannya adalah menyucikan orang yang berpuasa.

7- Disyariatkan banyak berderma ketika puasa seperti memberi makan buka puasa adalah supaya orang kaya dapat merasakan orang yang biasa menderita lapar sehingga mereka pun dapat membantu orang yang sedang kelaparan.

Para pembaca yang dikasih,

Justeru itu, marilah bersama-sama merancakkan ibadah zakat, sedekah dan wakaf di bulan Ramadhan. Pihak MAIPk banyak menyediakan saluran untuk menuaikan ibadah zakat, sedekah dan wakaf sama ada melalui pejabat-pejabat cawangan, agen-agen yang dilantik atau melalui portal MAIPk. Aktiviti-aktiviti pembangunan sosio-ekonomi ummah khususnya di Negeri Perak boleh diikuti sama ada melalui buletin ini, portal MAIPk atau portal Waqaf Perak Ar-Ridzuan. Semoga segala ibadah para pembayar zakat, wakaf dan penyumbang sedekah dikurniakan ganjaran pahala berlipat kali ganda sempena dengan kedatangan bulan Ramadhan ini.

Sekian, terima kasih.

Wan Abdul Halim Hafiz bin Mohd Amin



EXECUTIVE TALK YANG DIPERTUA MAIPk

IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan *Executive Talk* bersama YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin, Yang Dipertua MAIPk bertempat di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 08 Februari 2017. Tujuan diadakan program ini untuk diberikan amanat kepada semua pekhidmat MAIPk bagi tahun 2017.

YDP MAIPk dalam ucapannya menekankan sifat kesepuhaan yang perlu ada kepada semua pekhidmat MAIPk. Konsep ini perlu tersemat dalam setiap diri pekhidmat MAIPk untuk mencapai matlamat MAIPk yang telah digariskan melalui Pelan Strategik MAIPk 2016 - 2021. Beliau juga mengatakan bahawa, dengan pewujudan sifat kesepuhaan membuatkan seseorang itu bijak, kreatif dan inovatif dalam menyempurnakan suatu pekerjaan.

Semoga perutusan dan amanat yang disampaikan oleh YDP MAIPk memberi lebih semangat kepada pekhidmat MAIPk untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan dengan sempurna.



ASNAF TERIMA RUMAH BARU

KLEBANG - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Bantuan Bina Rumah di Kg Seri Klebang, Chemor pada 17 Februari 2017. Rumah yang mengandungi tiga bilik ini diserahkan kepada En. Ahmad Nafis Bin Harun selaku penerima rumah baru tersebut. Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed.

Pihak MAIPk mengharapkan pembinaan rumah tersebut memberi sinar baru dalam kehidupan En. Nafis sekeluarga dan diidoakan kehidupan beliau sekeluarga juga bertambah baik dan selesa. Inilah buktinya wang zakat yang anda tunaikan di MAIPk dan para Amil yang bertauliah diagihkan kepada asnaf yang memerlukan.



MAIPk ZIARAH ASNAF DI DAERAH BAGAN DATUK



HUTAN MELINTANG - Sempena Program Pemukiman Menteri Besar Negeri Perak di Daerah Bagan Datuk pada 18 Januari hingga 21 Januari 2017, pihak MAIPk turut mengisi program tersebut dengan beberapa aktiviti seperti ziarah asnaf dan pembukaan kaunter zakat bergerak di sekitar Hutan Melintang. Program ini melibat pekhidmat MAIPk daripada ibu pejabat dan MAIPk Daerah Teluk Intan. Pihak MAIPk telah menziarahi sebanyak 10 buah rumah terdiri daripada asnaf fakir miskin dan muallaf. Rombongan ziarah ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhamed.

Program menziarahi asnaf seperti ini dapat menyelami permasalahan hidup asnaf, di samping melihat keperluan lain yang layak untuk dibantu oleh pihak MAIPk.

Pada masa yang sama, pihak MAIPk turut mengemas kini maklumat keluarga daripada ziarah tersebut. Ziarah tersebut juga merupakan satu kesinambungan melalui Skuad Prihatin Asnaf MAIPk yang sentiasa melaksanakan kerja mencari dan mendekati golongan asnaf dalam membantu mereka ini yang amat memerlukan bantuan bagi menyara hidup kehidupan mereka.

MAIPk DI PROGRAM PEMUKIMAN MB DI PERAK TENGAH

PERAK TENGAH - Pekhidmat Ibu Pejabat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bersama-sama dengan pekhidmat MAIPk Daerah Kg. Gajah dan Seri Iskandar telah terlibat dengan Program Pemukiman Menteri Besar Negeri Perak di Daerah Perak Tengah (Seri Iskandar dan Kg Gajah). Sepanjang program yang dijalankan dari 07 hingga 11 Mac 2017, pihak MAIPk telah menyertai beberapa program antaranya ialah program ziarah kasih dan karnival mahabbah. Selain itu, pihak MAIPk turut membuka kaunter zakat bergerak bagi menyalurkan sumber maklumat dan memberi kemudahan kepada masyarakat setempat untuk mengetahui dengan lebih dekat mengenai MAIPk dan fungsi MAIPk. Masyarakat setempat juga boleh mendapatkan perkhidmatan pengiraan dan pembayaran zakat.





MAJLIS GRADUASI USAHAWAN ASNAF MAIPk (PESERTA MENTOR MENTEE 2016)



IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Graduasi Usahawan Asnaf MAIPk (Peserta Mentor Mentee 2016) pada 16 Februari 2017. Majlis graduasi ini merupakan satu pengiktirafan kepada para peserta Program Mentor Mentee 2016 yang berjaya menamatkan tempoh 6 bulan latihan dan pantauan oleh pihak MAIPk dengan kerjasama pihak Koperasi Belia Islam (KBI). Mereka ini dilihat potensi perniagaannya dan juga keupayaan berdaya saing dalam pasaran seterusnya menjenamakan diri sebagai Usahawan Asnaf MAIPk. Para peserta yang berjaya juga membayar zakat ketika berlangsungnya majlis ini dan akhirnya menyumbang kembali kepada asnaf-asnaf yang lain.

PERBELANJAAN BAGI SKIM BANTUAN MODAL

TAHUN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	BIL. PENERIMA
2014	1,200,000.00	1,439,331.00	229
2015	1,300,000.00	1,902,225.84	272
2016	2,000,000.00	2,767,488.53	324

PERBELANJAAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI

Bil.	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA	BIL. YANG MEMPEROLEHI PENDAPATAN MELEBIHI HAD KIFAYAH
1.	Program Mentor Mentee (termasuk latihan dan pantauan)	370,000.00	37	28
2.	Business Enterpreneur Asnaf MAIPk (BEAM)	200,000.00	28	31
Jumlah Keseluruhan		570,000.00	65	59

KEJAYAAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF

TAHUN	KEJAYAAN
2014	MAIPk telah melahirkan 10 orang usahawan yang mempunyai produk yang tersendiri. MAIPk telah membantu mereka dengan teknik-teknik pemasaran dan pembungkusan produk sekaligus membantu mereka meningkatkan hasil pendapatan dari perniagaan mereka.
2015	MAIPk berjaya menghasilkan 57 orang asnaf yang berjaya keluar dari kemiskinan melalui perniagaan.
2016	MAIPk berjaya menghasilkan 59 orang asnaf yang memperolehi pendapatan bulanan melebihi had kifayah MAIPk iaitu 31 orang dibawah program Mentor Mentee dan 28 orang dibawah program Business Enterpreneur Asnaf MAIPk (BEAM). Selain itu, MAIPk turut berjaya melahirkan 10 orang usahawan yang mempunyai produk dan jenama sendiri dan dibawa ke program MAHA 2016 di Serdang, Selangor.



MAIPk SUMBANG BOT KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI PULAU 7, RPS BANUN

GERIK - MAIPk telah menyumbangkan sebuah bot penumpang dengan keluasan 21 kaki panjang dan berkapasiti enjin 40 kuasa kuda untuk kegunaan masyarakat Orang Asli Pulau 7, RPS Banun, Gerik pada 07 Mac 2017. Kampung ini merupakan sebuah pulau kecil di perairan Tasik Banding. Sumbangan bot ini dilakukan kerana melihat keperluan penduduk di situ yang tidak mempunyai sebarang pengangkutan air. Sebelum ini mereka terpaksa menggunakan bot dari kampung berhampiran dan perkara ini amat menyulitkan kehidupan sehari-hari mereka.

Keperluan bot ini telah disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed ketika membuat lawatan ke Perkampungan Orang Asli Sungai Tiang sempena majlis penyerahan bantuan zakat baru-baru ini. Terdapat banyak pulau-pulau kecil di Tasik Banding ini dijadikan perkampungan Orang Asli dan sudah pasti pengangkutan utama mereka adalah bot. Sekiranya keperluan asas ini tiada, sudah pasti mereka ini menghadapi pelbagai kesulitan terutamanya jika berlaku perkara-perkara kecemasan seperti sakit dan sebagainya.

Bot yang berharga RM22,050.00 ini telah diamanahkan kepada Ketua Kampung Pulau 7 untuk dijaga dan digunakan sebaiknya demi kepentingan penduduk. Sumbangan bot ini merupakan salah satu bentuk bantuan yang diberikan kepada mereka dan MAIPk sebenarnya telah banyak membantu masyarakat Islam Orang Asli bukan sahaja di daerah Gerik, malah di seluruh Negeri Perak. Selain aktiviti dakwah, MAIPk juga membantu dari segi kebajikan mereka dengan menyalurkan pelbagai bantuan lain menggunakan dana zakat.

PELAJAR MISKIN DIBANTU MELALUI SKIM BIASISWA PELAJARAN BAITULMAL



IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal 2017 di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 29 Mac 2017. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed.

Sejak pelaksanaan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal ini pada tahun 2012, MAIPk telah membelanjakan sebanyak RM1.33 juta yang melibatkan pemberian wang biasiswa kepada anak asnaf Fakir dan Miskin bermula daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Sehingga tahun ini, seramai 440 orang pelajar menerima bantuan skim ini. Pada tahun 2017, seramai 83 orang pelajar dalam kalangan anak asnaf Fakir dan Miskin telah terpilih untuk menerima skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk. Mereka ini telah berjaya mencapai 3A hingga 6A pada UPSR tahun lalu dan menduduki tingkatan 1 pada tahun 2017.

Skim ini juga telah menunjukkan keberkesanannya kepada pembelajaran penerima apabila seramai enam orang pelajar yang menduduki SPM pada tahun lalu telah memperolehi keputusan cemerlang. Dua orang pelajar, Nurul Husna Binti Abdul Basir dan Muhamad Hakim Bin Ahmad memperolehi 7A, tiga orang pelajar, Noor Iffa Hafizza binti Zakaria, Nur Sabrina Binti Mohd Zahidi dan Norazlin Binti Muhiddin memperolehi 6A, dan seorang memperolehi 5A, Nurul Asyiqin binti Haji Yusuf dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2016.



PENYERAHAN BANTUAN BINA RUMAH DI KAMPAR

1

RUMAH JENIS 'A'

PENERIMA : EN. ISA BIN NGAH ABDULLAH - KG BUKIT PEKAN



2

RUMAH JENIS STUDIO

PENERIMA : EN. NOOR AZMIN BIN RAMLI - KG BUKIT PEKAN



3

RUMAH JENIS 'B'

PENERIMA : EN. NAZARI BIN HUSSIN - KG CHANGKAT TUALANG



4

RUMAH JENIS 'A'

PENERIMA : EN. BADRU SAMAN BIN MOHD SHARIF - KG LAWAN KUDA





SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Mohd Salmizam bin Hamidon di Gerik pada 03 Januari 2017.

Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Faizal di Ipoh pada 12 Januari 2017.



Sumbangan bantuan kewangan segera dan kit bantuan bencana kepada keluarga Encik Norazman bin Mohd Ishak di Kg.Changkat Tualang pada 17 Februari 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Encik Mohd Salim bin Ab Rahman, Fadder bin Asri dan keluarga Raja Sabariah binti Raja Zainal di Kg. Masjid Tanjung Rambutan pada 23 Februari 2017.



Sumbangan bantuan perubatan kepada En. Muhammad Haris Al Hafiz bin Hamidun di Gerbang Tanjung Permai pada 24 Februari 2017.



PRIHATIN ASNAF MAIPk



Sumbangan bantuan kewangan kecemasan dan kit bantuan bencana kepada keluarga yang menerima musibah rumah terbakar di Ulu Kuang, Chemor pada 24 Januari 2017.



Sumbangan kit bantuan bencana banjir di Beruas pada 24 Januari 2017.



Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Pn. Nor Aini di Kg. Chemor pada 14 Mac 2017.



Sumbangan alat bantuan pernafasan kepada Encik Ahmad bin Yusof di Taman Indah pada 22 Mac 2017.



Sumbangan bantuan perubatan kepada Encik Baharuddin bin Nayan di Taman Cempaka pada 21 Mac 2017.



PERHIMPUNAN KONTRAKTOR PEMBEKALAN DAN PERKHIDMATAN GRED G1 LANTIKAN MAIPk 2017

IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) mengadakan Perhimpunan Kontraktor Pembekalan dan Perkhidmatan Gred G1 Lantikan MAIPk 2017 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 02 Februari 2017. Perhimpunan kontraktor ini melibatkan semua kontraktor berdaftar dengan pihak MAIPk di semua daerah Negeri Perak. Perhimpunan kontraktor ini diadakan bertujuan untuk menyusun pengiliran kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah. Pihak MAIPk menggunakan kaedah cabutan undi untuk pengiliran kerja-kerja membina dan membaik pulih rumah. Pelaksanaan kaedah ini bersifat lebih adil dan telus.

Pada majlis ini, Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk telah memberi ucapan dan amanat dan antara amanatnya menegaskan kepada semua kontraktor yang telah dipilih perlu menyiapkan kerja dengan kualiti yang sempurna dan dalam masa yang ditetapkan. Diharapkan kontraktor yang telah dipilih dapat melaksanakan perkhidmatan membaiki dan membina rumah yang sempurna untuk golongan asnaf. Pada majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pengurusan), Tuan Mohd Haidi Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pembangunan) Puan Hajah Wan Maizura Hj Wan Zahari serta pegawai-pegawai MAIPk.

TAKLIMAT ZAKAT DI MASJID AS-SAADAH, KG. BAHAGIA, TELUK INTAN

TELUK INTAN - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Daerah Teluk Intan menganjurkan taklimat zakat di Masjid As-Saadah, Kg. Bahagia pada 27 Mac 2017. Taklimat zakat ini untuk memberikan pendedahan mengenai zakat kepada jemaah kariah masjid. Selain itu, jemaah masjid diberi pendedahan yang lebih jelas jenis-jenis zakat yang perlu dibayar serta kaedah pengiraan zakat yang sebenar. Taklimat ini diberikan oleh Ustaz Mohd Latiff Bin Talib iaitu Pengurus Bahagian Pemasaran MAIPk dari Ibu Pejabat.





AGROBANK SERAH ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA MAIPk

IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyerahan Zakat Agrobank pada 13 Januari 2017. Pada majlis ini, pihak Agrobank yang diwakili oleh Agrobank Head Of Commercial Business Negeri Perak, Encik Kamarul Zaman Bin Ghazali telah menyerahkan cek zakat perniagaan bagi tahun 2015 berjumlah RM40,000.00. Cek zakat ini telah diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Muhammed.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah, Agrobank Head Of Consumer Business Negeri Perak, Encik Mohd Roslan Bin Che Mohd, Pengurus Bahagian Pemasaran, Ustaz Mohd Latiff Bin Talib dan pegawai-pegawai MAIPk. Semoga dengan penyerahan cek zakat perniagaan ini organisasi dan perniagaan Agrobank terus berkembang maju serta nasib golongan asnaf akan terus terbela dan kita semua diberkati oleh Allah S.W.T.



MAIPk TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN KOPERASI PERLADANGAN BAGAN DATUK PERAK BERHAD

SUNGAI PERGAM – Satu Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Koperasi Perladangan Bagan Datuk Perak Berhad telah berlangsung di Sungai Pergam, Bagan Datuk pada 19 Januari 2017. Pada majlis ini pihak Koperasi Perladangan Bagan Datuk Perak Berhad yang diwakili oleh YB. Dato' Haji Samsuddin Bin Haji Abu Hassan telah menyerahkan cek zakat perniagaan bagi tahun 2016 berjumlah RM178,516.95 kepada Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), Dr. Amiruddin Bin Muhammed. Semoga dengan penyerahan cek zakat perniagaan ini organisasi dan perniagaan Koperasi Perladangan Bagan Datuk Perak Berhad terus berkembang maju serta nasib golongan asnaf terus terbela.





RINGKASAN PERMOHONAN BANTUAN MENGIKUT DAERAH DAN SKIM BAGI TAHUN 2016

Bil	Skim\Daerah	IB	KM	BS	GR	KG	KK	LG	TP	MJ	PB	PH	SE	SI	SR	TA	BG	TI	Jumlah
1.	Persekutuan	6230	1940	1147	1002	1308	4554	195	2873	1330	1472	691	714	1480	820	4146	1648	464	32014
2.	Kecemasan	205	1	-	8	2	10	-	2	8	1	2	1	17	-	11	2	-	270
3.	Perubatan	234	10	36	22	15	162	9	15	57	24	10	16	33	12	89	25	44	813
4.	Hemodialisis	597	-	1	-	-	-	6	-	-	-	-	-	2	2	-	-	2	610
5.	Bina Rumah	66	47	53	53	24	108	5	32	81	29	7	92	44	10	125	42	90	908
6.	Baik Pulih Rumah	58	42	37	98	12	119	6	14	78	13	33	83	33	10	113	49	36	834
7.	Kew. Bulanan	2598	481	454	295	396	512	95	402	484	393	52	638	493	279	1585	603	1038	10798
8.	Penyelesaian Hutang	161	10	7	7	6	31	4	11	14	2	1	3	9	4	29	17	11	327
9.	Bencana	13	1	4	2	-	5	-	1	1	-	-	5	4	-	12	1	8	57
10.	Tambang Domestik	128	-	10	-	1	10	1	-	1	4	-	-	1	-	5	1	1	163
11.	Latihan Kemahiran Asnaf	159	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	159
12.	B. Modal	170	44	41	37	11	132	6	19	126	7	11	48	10	17	73	33	73	858
13.	B. Hari Raya	2750	656	1283	522	277	1392	284	789	1230	801	249	791	388	582	1221	310	1493	15018
14.	Biasiswa	955	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	955
15.	B. Am Pelajaran	2480	228	558	391	310	953	134	423	1008	520	89	261	467	188	1343	391	900	10644
16.	Tambang Perjalanan	301	-	-	1	2	-	-	1	-	-	1	1	-	-	1	1	-	309
17.	Dermasiswa Dalam Negeri	1962	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1962
18.	Dermasiswa Luar Negeri	1357	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1357
19.	Pelbagai	700	9	16	6	4	50	5	13	25	8	12	3	11	12	37	9	18	938
	JUMLAH	21124	3469	3648	2443	2367	8056	744	4600	4444	3275	1157	2655	2993	1937	8789	3131	4180	79012

Petunjuk:

IB – Ibu Pejabat
LG – Lenggong
SI – Seri Iskandar

BS – Bagan Serai
MJ – Manjung
TA – Tapah

GR – Gerik
PB – Parit Buntar
BG – Batu Gajah

KG – Kg. Gajah
PH – Pengkalan Hulu
TI – Teluk Intan

KK – Kuala Kangsar
SE – Selama



PROGRAM BACA-TULIS-QURAN (BTQ) MUALLAF NEGERI PERAK

BATU KURAU – Pengurus Besar, Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf MAIPk, En. Suhaimi bin Yusoff telah menyempurnakan Majlis Penutup Program Baca-Tulis-Quran (BTQ) Muallaf Negeri Perak yang diadakan di Pusat Motivasi Mawaddah, Batu Kurau, Perak. Program yang berlangsung selama empat hari tiga malam pada 20 sehingga 23 Mac 2017 telah disertai oleh pelajar dan golongan dewasa di kalangan asnaf muallaf seramai 40 orang dari daerah Taiping, Parit Buntar, Bagan Serai, Ipoh dan Manjung. Ini merupakan program kali ke-3 yang telah berjaya dilaksanakan di bawah projek Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu al-Quran Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) sejak ia dilancarkan pada 7 April 2016. Program BTQ tersebut dijayakan dengan menggunakan kaedah Abahata Al-Jabari.

Program perintis ini telah dijayakan bersama-sama di antara pihak MAIPk, Institut Pengajian Al-Quran (IPAQ) dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Program ini telah dipenuhi dengan pengisian yang menarik dan tersusun melalui kaedah pembelajaran al-Quran secara mudah, cepat, efisyen dan menyenangkan bagi golongan sasaran yang terdiri daripada kalangan muallaf yang bertujuan bagi membantu mereka membaca al-quran dengan baik.

Terdapat sebahagian daripada peserta yang menyertai program ini pada mulanya lansung tidak mengenali huruf al-Quran. Setelah mengikuti kelas ABAHATA selama 30 jam dengan menggunakan teknik pembelajaran secara berkesan yang dipimpin oleh guru al-Quran yang berpengalaman mereka boleh mengenali huruf-huruf dan mula mampu membaca al-Quran. Pencapaian yang ditunjukkan oleh para peserta diharapkan mampu menjadi batu loncatan untuk mereka terus berusaha dengan lebih gigih dalam mempelajari ilmu al-Quran.

Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran adalah satu inisiatif pihak MAIPk untuk menyebar luas ilmu Al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu Al-Quran tanpa mengira sempadan usia serta taraf kehidupan. Pihak MAIPk menyeru umat Islam agar turut sama menyumbang untuk dana wakaf melalui WPAR bagi memperolehi manfaat yang berpanjangan dan berkekalan di dunia dan akhirat.



BENGKEL PENYEDIAAN MESYUARAT PEMANTAUAN TANAH MAIPk

KAMPAR - Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf (BPPMW) MAIPk telah mengadakan bengkel penyediaan isu baru bagi persiapan Mesyuarat Pemantauan Tanah (MPT) MAIPk. Bengkel ini berlangsung daripada 18 hingga 20 Januari 2017 di The Lake of Sahom Valley, Kg. Sahom, Kampar, Perak. Para peserta terdiri daripada Pengurus Besar BPPMW, 8 PBD dan 11 PT Hartanah daerah dan 7 orang daripada Unit Pembangunan Hartanah MAIPk.

Objektif bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua Pegawai Baitulmal Daerah serta Pembantu Tadbir Hartanah Daerah berkenaan kaedah pembukuan isu baru MPT MAIPk. Selain itu, bengkel ini membincangkan Indeks Prestasi Utama (KPI) Unit Pembangunan Hartanah MAIPk antaranya mengenalpasti sebanyak 85 isu baru. Program ini juga ingin mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan MAIPk melalui pelbagai program yang telah dirancangkan.





WAKAF PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN ILMU AL-QURAN

Al-Quran ialah Kitabullah terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ianya merupakan sumber Hukum Islam utama seterusnya menjadi petunjuk kepada seluruh umat Islam. Seseorang Muslim itu tidak dibiarkan hidup di dunia begitu sahaja melainkan Allah SWT telah menyediakan panduan lengkap kepada setiap hal yang berkaitan dengan kehidupan dan ianya sesuai di sepanjang masa dan tempat.. Kitab suci al-Quran bukan sahaja mempunyai pelbagai keistimewaan sebagai petunjuk, rahmat dan penawar bagi segala penyakit bahkan membacanya juga adalah ibadah dan akan mendapat pahala daripada Allah SWT.

Walau bagaimanapun, kurangnya pendedahan tentang ilmu al-Quran menyebabkan umat Islam pada masa kini tidak menitik berat tentang pengajian ilmu al-Quran. Kesibukan dalam urusan harian serta mengejar matlamat dunia menyebabkan umat Islam lebih mementingkan hal dunia berbanding akhirat. Selain itu, kekurangan penganjuran dan hebahan program penghayatan al-Quran juga merupakan salah satu faktor penguasaan ilmu al-Quran kurang diberi penekanan. Lebih membimbangkan bagi golongan saudara baru, mereka perlu diberi bimbingan untuk mengenal al-Quran dan memahami lebih mendalam mengenai agama Islam melalui pembacaan al-Quran.

Melihat kepada senario ini, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak mengambil inisiatif untuk memperhebatkan penganjuran program-program penghayatan al-Quran menggunakan dana wakaf. Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-193 pada 18 Disember 2015 telah bersetuju menujuhan dana wakaf yang dinamakan sebagai "Waqaf Perak Ar-Ridzuan" (WPAR). WPAR diwujudkan bertujuan untuk memartabatkan perekonomian Islam melalui medium wakaf dan memperkasakan ummah melalui pelbagai projek dan program mencakupi bidang Keagamaan, Pendidikan, Kesihatan dan Ekonomi.

Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu al-Quran telah diwujudkan di bawah projek bidang Keagamaan bagi menyebar luas ilmu al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian. Objektif projek ini bukan sekadar berjaya mewujudkan ummah yang menguasai dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan bahkan melahirkan tenaga daie yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran ilmu al-Quran.

WPAR dengan kerjasama Institut Pengajian al-Quran (IPaQ) mengetengahkan kaedah pembelajaran al-Quran cara mudah (Kaedah Abahata) yang dijalankan dalam bentuk kem pada hujung minggu. Program ini mensasarkan saudara-saudara baru yang lemah dalam membaca al-Quran. Abahata adalah satu kaedah mempelajari al-Quran yang diasaskan dari kaedah Al-Jabari yang menggunakan lirik huruf-huruf hijaiyah berrima Selawat Badar. Tujuan utama program yang menggunakan kaedah Abahata ini adalah untuk membasmikan buta huruf al-Quran di kalangan masyarakat Islam negeri Perak. Bagi menjayakan pelaksanaan program ini, MAIPk memerlukan dana daripada penyumbang berjumlah RM5 juta bagi merealisasikan matlamat WPAR iaitu program pengajian dan pembelajaran al-Quran yang berterusan dan melibatkan lebih ramai peserta di seluruh negeri Perak. Selain daripada itu, MAIPk dengan kerjasama IPaQ bercadang untuk menujuhan Akademi al-Quran Malaysia Perak (Al-Qalam) di Kampung Gajah Perak. Al-Qalam dibangunkan bertujuan untuk menjadi pengkalan/pusat perancangan dan pentadbiran serta urusetia pelaksanaan program-program pembangunan dan pengembangan ilmu al-Quran di negeri Perak.

Bermula dari bulan Ogos 2016, WPAR telah menganjurkan tiga (3) kem Program Pengajian al-Quran Kaedah Abahata di Ipoh, Sungai dan Taiping. Program-program yang dijalankan secara bersiri tersebut telah dihadiri oleh mualigh, Orang Asli dan muallaf dari daerah-daerah yang terpilih. Seramai 120 peserta telah menyertai program-program tersebut yang pada mulanya mereka tidak mempunyai asas ilmu al-Quran namun setelah menyertai program ini mereka dapat mengenal, membaca dan menulis al-Quran dengan lebih baik. Program ini akan diteruskan lagi dengan melibatkan peserta daripada pelbagai peringkat. Semoga Allah SWT memberkati hasrat murni pewakaf dan penganjuran program-program ini dapat memberi nilai tambah dalam kehidupan umat Islam di seluruh Negeri Perak.



BERITA SANA SINI



MAJLIS PENYAMPAIAN DERMASISWA LUAR NEGARA PADA 04 JANUARI 2017



PENYERAHAN ZAKAT MAYBANK ISLAMIC ASSET MANAGEMENT SDN BHD PADA 24 JANUARI 2017



MAJLIS RAMAH MESRA KPE MAIPK BERSAMA PENDUDUK TANAH WAKAF DI KAMPUNG KUAK LUAR, PENGKALAN HULU PADA 13 FEBRUARI 2017

MAJLIS PENYERAHAN PERJANJIAN USAHASAMA RAKAN STRATEGIK AMANAH RAYA BERHAD PADA 27 FEBRUARI 2017



PERSIDANGAN MAJLIS KALI KE-198 PADA 21 MAC 2017



BENGKEL PEMAHAMAN ICT PADA 28 MAC 2017



TAKLIMAT ZAKAT DI HOSPITAL PARIT BUNTAR PADA 30 MAC 2017



KUNJUNGAN HORMAT DAN KAJIAN TENTANG PENGURUSAN BAHAGIAN ZAKAT DAN WAKAF TAWAT NOIPOM - COLLEGE OF ISLAMIC STUDIES & DIRECTOR OF HALAL INSTITUTE, PRINCE OF SONGKHLA UNIVERSITY, THAILAND PADA 31 MAC 2017



Wasiat Raja - Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah :

1. Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).
2. Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
3. Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
4. Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
5. Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
6. Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
7. Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



Kami menyayangi ANDA! **JOM berwasiat melalui MAIPk**



Kami menawarkan kadar yang kompetatif dan menarik.



Rakan Strategik Amanah Raya Berhad (ARB)

AMANAH RAYA

UNTUK PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI

اویندوڠ فرتابان لنجوون، سیيلا څوړو ځي

05-2084000

ATAU LAYARI LAMAN WEB KAMI

www.maiamp.gov.my

Sempurnakan
wasiat
untuk orang-orang tersayang...

Kunjungi semua pejabat MAIPk yang berhampiran ANDA. (17 Cawangan)

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK, Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Malaysia.